



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (Company No. 902884V)
(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") adalah sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan untuk membangunkan dan menjadi pemilik Projek Mass Rapid Transit Lembah Klang ("Projek KVMRT").

Pembida adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar seperti yang dinyatakan di dalam jadual berikut:

TAJUK RFP DAN NOMBOR RFP	SYARAT-SYARAT RFP	TAKLIMAT RFP (MANDATORI)	
REQUEST FOR PROPOSAL TO OPERATE AND MAINTAIN THE MULTI STOREY PARK & RIDE (MSPR) AND AT-GRADE PARKING (AGP) FOR NORTHERN MRT PUTRAJAYA LINE (RFP NO: RFP/PD/Q18-2021)	Memiliki sijil sah: Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221510 (Tempat Letak Kereta); DAN Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	Tarikh : Rabu, 8 September 2021 Masa : 11.00 pagi Via : Aplikasi Zoom (Dalam Talian) Untuk menyertai Taklimat RFP, semua Pembida dikehendaki membuat pra-pendaftaran secara dalam talian di salah satu pautan dibawah:- 1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my ; 2. https://forms.gle/AgaUHSbz7GvoG22o7 ; 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan. Pra-pendaftaran akan bermula pada Isnin, 30 Ogos 2021 sehingga 7 September 2021 . Hanya Pembida yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan menerima e-mel zoom ID dan pautan untuk menyertai Taklimat RFP secara dalam talian.	Sila imbas Kod QR untuk pra-pendaftaran: 

Dokumen RFP akan diberikan kepada syarikat yang menyertai (tanpa bayaran) sesi taklimat melalui alamat e-mel yang didaftarkan.

Peserta dikehendaki menyerahkan Dokumen RFP yang lengkap diisi beserta maklumat sokongan yang menyeluruh di dalam format dan kaedah penyerahan sepertimana diterangkan di dalam Dokumen RFP.

Nota:

1. Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh ditetapkan.
2. Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
3. Pembida **WAJIB** menyertai sesi taklimat RFP secara dalam talian pada Tarikh dan masa seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
4. Dokumen RFP hanya akan diberikan melalui email kepada Pembida yang telah menyertai sesi taklimat RFP sahaja. MRT Corp **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk Dokumen RFP sebelum dan / atau selepas waktu yang telah dijadualkan di atas.
5. Sijil-sijil pendaftaran hendaklah **SALINAN YANG DISAHKAN oleh Setiausaha Syarikat atau Pengarah Syarikat** bagi mengesahkan kelayakan Pembida seperti yang dinyatakan di dalam Dokumen RFP. Pembida adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK AKAN DITERIMA** selaras dengan arahan Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP (140/97), 23 Jun 2005].
6. Dengan mengeluarkan kenyataan tawaran ini, MRT Corp tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tawaran yang paling rendah atau mana-mana tawaran.
7. MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
8. Sebarang pertanyaan berhubung dengan tawaran ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **603-2095 2121** atau e-mail ke procurement@mymrt.com.my.